

**RANCANGAN MALAYSIA KE 12:PERHEBATKAN JALANRAYA KE CAMERON HIGHLANDS MELALUI SUNGAI KOYAN, DENGAN PIT STOP KEMUDAHAN AWAM SERTA ORANG ASLI INFORMATION CENTRE UNTUK GALAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN MELALUI JALAN TERSEBUT**

Saudara Pengarang,

Laluan ke Cameron Highlands melalui Sungai Koyan , Kuala Lipis adalah satu alternatif jalanraya bagaimana pengguna jalanraya dari Kuala Lumpur mahupun Kuantan boleh sampai ke destinasi Cameron Highlands. Ditambah dengan pembukaan lebuhraya baru “Central Spine” pada 7 oktober 2021 yang lalu, destinasi Cameron Highlands menjadi semakin rancak dan popular bagi mereka yang menginginkan percutian santai di tempat tinggi. Terdapat pelbagai aktiviti menarik terdapat di Cameron Highlands. Yang mana menjanjikan aktiviti menarik yang ada di tanah tinggi tersebut seperti memetik buah strawberry , melawat “Lavender Garden” serta menikmati minum teh di T station ladang Teh Bharat. Tidak kurang juga bagi mereka yang ingin mendapatkan ilmu hiliran dari Pusat Penyelidikan MARDI yang terletak di Tanah Rata berhampiran dengan Hotel The Cool Point. Bagi mereka yang berminat dengan aktiviti lebih mencabar, bolehlah cuba memasuki Kawasan *Mossy Forest* yang lebih bersifat semulajadi dengan lumut-lumut tebal di dalam kawasan hutan tersebut yang pastinya lebih sejuk dan lebih licin.

Selain tempat-tempat indah semulajadi yang terdapat di Cameron Highlands, Kini Cameron Highlands di lengkapi dengan kemudahan asas seperti sekolah, pejabat pentadbiran Tanah dan Daerah , malahan mempunyai Hospital Daerah Cameron Highlands , Hospital Sultanah Hajjah Kalsom yang mempunyai lebih dari 70 katil dengan kelengkapan bahagian kecemasan sendiri.

Disamping kelebihan sediada di Cameron Highlands itu sendiri, sudah pastinya pengunjung mengharapkan keselamatan dan keselesaan diperolehi Ketika melalui jalan-jalan yang disediakan untuk sampai ke Cameron Highlands. Jika di perhatikan dari bawah, jalan masuk melalui Sungai Koyan sehingga ke Ringlet, sejak dibuka pada tahun 2010 sehingga kini, tidak ada tempat hentian rawat dan rehat di sediakan untuk pengguna di sepanjang jalan sejauh lebih kurang 100km ini. Di mana kita sedia maklum jalan yang berliku ini tidak sesuai dengan cara pemanduan yang laju. Jalan berliku di lereng bukit adalah licin, malahan tidak selamat jika pemandu membuat pecutan untuk menyegerakan perjalanan. Sepatutnya telah ada disediakan sekurang-kurangnya satu Kawasan *Pit Stop* di sini. Sehingga kini sepanjang jalan yang dilalui tidak ada tempat disediakan untuk pengguna berehat seketika , seperti sambil berehat untuk makan dan minum pengguna boleh memenuhi keperluan hajat yang lain seperti keperluan ke tandas atau menunaikan solat di surau yang dikenali sebagai *Pit Stop* sebelum sampai ke atas.

Di persekitaran sepanjang jalan naik ke Cameron Highlands dari Sungai Koyan, suasana kehijauan sepanjang jalan amat mempesonakan. Udara segar disekeliling kawasan tersebut tidak dapat disangkal lagi. Kawasan jalanraya menuju Cameron Highlands di dalam Daerah Kuala Lipis ini, bukan sahaja mempunyai pemandangan semulajadi yang hijau dan cantik, malahan kawasan tanah tinggi yang di lalui ini juga memberikan suasana udara yang dingin, segar dan amat istimewa bagi pengguna. Malahan di Kawasan tersebut terdapat banyak perkampungan orang asli seperti di kampung Menson, Pos Betau , Pos Simoi dan Pos Lenjang . Yang mana pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Kerajaan Negeri Pahang boleh bekerjasama membangunkan Kawasan tersebut untuk tujuan Pendidikan serta Pelancongan dengan mewujudkan Information Centre di Kawasan yang sesuai diperjalanan . Ini adalah perlu kerana dikhuatiri satu masa nanti sejarah serta budaya orang asli dipenempatan tersebut lenyap ditelan arus kemodenan. Adalah

amat baik sekiranya mungkin boleh pihak Kerajaan melengkapkan “Information Centre” dengan maklumat mengenai orang Asli seperti suku kaum, kepercayaan ,bahasa, budaya , muzik serta aktiviti ekonomi mereka yang unik. Malahan boleh diwujudkan kawasan kraftangan orang asli juga di sini. Kerajaan juga boleh mewujudkan maklumat orang asli dari negara-negara lain untuk bertindak sebagai *catalyst* jika ingin mengadakan aktiviti bertaraf dunia berkaitan orang asli dari seluruh dunia.

Di harapkan kerajaan memperuntukkan sejumlah bajet bagi tujuan Kawasan rawat dan rehat *Pit Stop* yang dimaksudkan serta Orang Asli *Information Centre* di Kawasan ini. Disamping dengan penyediaan lampu serta *cat eyes* di jalanraya terutamanya di Kawasan jalan yang curam serta berlereng. Ini akan dapat memberi kesan positif kepada pengguna jalanraya tersebut serta mengelakkan kemalangan berlaku. Dengan membangunkan spot yang berpotensi sebagai pusat hentian untuk mereka yang ingin berehat seketika mahupun bermalam dan menikmati keindahan di Kawasan yang bakal di bangunkan sudah pasti ianya selaras dengan hasrat kerajaan untuk memakmurkan ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya rakyat tempatan.

Penulis,  
Dr Mazita Binti Mokhtar, AMP  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengurusan Industri  
Universiti Malaysia Pahang.  
Tel:0199121068